

02 MAR 1998

Mahathir-Dialog

JANGAN JUAL SAHAM UNTUK RAIH KEUNTUNGAN SEMATA-MATA, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pelabur Malaysia supaya jangan mudah dipengaruhi oleh orang lain dan menjual saham mereka semata-mata untuk meraih keuntungan apabila harganya meningkat.

Beliau juga berkata orang ramai tidak harus membeli matawang asing atau menyimpan wang mereka dalam bank asing kerana mereka akan menghalang ahli perniagaan tempatan daripada mendapatkan pinjaman yang diperlukan untuk tujuan operasi dan perniagaan mereka.

"Kita tidak harus mengeluarkan wang kita daripada bank-bank Malaysia hanya kerana ada orang mendakwa bank-bank kita lemah dan mungkin bankrap walaupun mendapat jaminan kerajaan," katanya dalam ucapan utama pada Dialog Perkongsian Bijak Kebangsaan (NSPD) 1998 di sini hari ini.

"Sebaliknya, kita harus menyokong perniagaan tempatan dalam apa juga cara...kita harus menyokong Kempen Beli Barangan Malaysia dan mengurangkan perjalanan ke luar negara," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini giat berusaha memulihkan keadaan ekonomi berikutan penurunan nilai matawang dan harga saham syarikat-syarikat.

"Untuk mencapai matlamat ini kita harus berpegang kepada nilai-nilai tinggi, prinsip moral, kejujuran dan mengambil berat terhadap satu sama lain...kita tidak harus tamak dan bertindak untuk kepentingan peribadi," katanya.

Ketika Dr Mahathir berucap, di pasaran tukaran asing ringgit terus teguh pada kadar 3.61 berbanding dolar Amerika manakala Bursa Saham Kuala Lumpur menunjukkan pemulihan sejak kebelakangan ini berikutan sokongan pembelian yang kuat.

Dialog dua hari itu akan menyaksikan para pemimpin industri mengemukakan pendapat mereka dalam usaha mencari jalan mengatasi kemelut ekonomi dan krisis matawang yang dihadapi negara sekarang.

Dr Mahathir dijadual mempengerusikan sesi pertama bertajuk "Mengukuhkan Ketahanan Negara Menerusi Perkongsian Bijak - Peranan Sektor Swasta, Buruh dan Kerajaan."

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan mempengerusikan sesi penutup bertajuk "Pemulihan Ekonomi - Satu Konsensus" esok manakala Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mempengerusikan sesi yang serupa.

Dr Mahathir juga berkata perkongsian yang Malaysia jalin antara kaum ketika melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara dan perkongsian antara kerajaan, sektor swasta dan pekerja dan kesatuan sekerja mereka, bukan sahaja harus diteruskan bahkan diperhebatkan lagi.

"Asas kemakmuran kita adalah pertumbuhan ekonomi pada tahap yang tinggi. Kita mungkin tidak perlu berkembang pada kadar yang lama untuk mencapai pemulihan tetapi kita harus memastikan pertumbuhan yang berpatutuan dan berterusan dicapai.

"...dan dengan perkongsian bijak yang telah kita jalin, pertumbuhan yang baik pasti dapat dikekalkan," katanya.

Beliau berkata perkongsian bijak juga memerlukan "kita membuat beberapa pengorbanan agar pemulihan dapat dipercepatkan."

Kerajaan telah menggubal banyak pendekatan dan dasar yang mungkin dilihat sebagai mengenakan sekatan bagi faedah peribadi mahupun syarikat.

"...tetapi dalam jangka panjang, kita akan meraih keuntungan menerusi sedikit pengorbanan yang dilakukan dan dalam setiap perkara yang kita lakukan, kita harus menganggap diri kita sebagai rakan kongsi kepada semua orang, dengan mengambil kira kepentingan rakan kongsi kita," katanya.

Dr Mahathir juga menyentuh "fahaman baru" mengenai penguasaan dengan mereka yang menang akan meraih segala-galanya, bukannya perkongsian bijak.

"Budaya ekonomi dunia telah berubah dan etika lama untuk saling bantu-membantu dan bersama-sama memperolehi keuntungan kini digantikan oleh tindakan dan pemerolehan secara agresif yang tidak langsung mengambil kira kepentingan bersama," katanya.

Idea-idea lama mengenai prinsip moral, etika, perkongsian yang adil dan saksama serta penyayang kini digantikan oleh idea-idea bahawa sikap berterus terang dan ketelusan dalam urusan perniagaan adalah memadai dalam memastikan amalan-amalan yang tidak boleh diterima seperti rasuah dan mengutamakan kepentingan keluarga dihapuskan.

"Perkongsian bijak adalah cara ke arah pemulihan ekonomi dan sebarang perkara yang menghalang daripada pelaksanaan perkongsian bijak harus dielak dan ditolak," katanya.

"Dengan cara itu, kita akan dapat mencapai pemulihan dengan lebih cepat dan kita semua akan memperolehi manfaatnya," katanya.

Kira-kira 300 peserta terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan pemimpin sektor swasta, ahli akademik dan pemimpin kesatuan sekerja menghadiri dialog itu. -- BERNAMA

AA AZZ MR AKD